

**EARTH ENTERPRISE
DETO- NATION STOP**

DISEDIAKAN UNTUK :

**ENCIK ABDUL HAMEED MYDEEN
PENSYARAH ETR
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM 5 B**

DISEDIAKAN OLEH :

**MAIRINA BTE ISMAIL
94946192**


**SYAZIANA BTE BILMAS
94575175**

**FADIRA BTE OMAR
94520466**

**NOR AZAH BTE ASMAWI
94862949**

**ROSMA AZURA HANI BTE MAAROF
94518816**

12 APRIL 1997



DID

MINISTRY OF NATIONAL DEFENCE
DEFENCE INDUSTRY DIRECTORATE
DIRECTOR

Athens, December 8, 1994

TO WHOM IT MAY CONCERN

This is to certify that from the data contained in our files, the firm TEXOGA S.A. , 127 Thessalonikis St.. 183 46 Athens, Greece, is a company that has manufacturing capabilities/activities in Greece and is eligible to participate in national procurements of MOD-Greece.

Lt. General (HAF) D. Kolonis
Director of DID

ISI KANDUNGAN

Pengenalan	1
Tujuan	10
Logo	11
Rancangan Pentadbiran	14
Rancangan Pemasaran	33
Rancangan Operasi	51
Rancangan Kewangan	63
Lampiran	81

Pengenalan.

Syarikat Earth Enterprise seperti yang kami cadangkan ini adalah sebuah syarikat yang bertanggungjawab di dalam proses pengedaran sejenis produk baru di pasaran tempatan iaitu Detonation Stop.

Ia adalah sejenis alat pencegah letupan yang mula diperkenalkan di Jerman pada 1994. Kami dapati produk ini berpotensi besar dalam pasaran tempatan kerana ia berkaitan dengan aspek keselamatan. Tambahan lagi proposal perniagaan ini adalah yang pertama dan merupakan pelopor tunggal dalam pengedaran produk Deto - Stop ini.

Sehingga kini jika kita lihat terdapat banyak kemalangan yang melibatkan kebakaran beserta letupan. Contoh paling mudah ialah letupan yang melibatkan kenderaan seperti kereta , lori , bas juga kapal terbang.

Oleh yang demikian dengan kewujudan produk Deto - Stop ini adalah diharapkan agar ia dapat mengatasi serta mengurangkan kadar kemalangan ekoran letupan.

Seperti yang dicadangkan , sasaran utama pelanggan terhadap produk ini ialah : -

- i) Syarikat-syarikat kenderaan pengangkutan awam terutamanya bas, bas ekspres, teksi, kapal terbang penumpang, dan kargo.
- ii) Kenderaan-kenderaan pengangkut bahan api seperti lori tangki pertroleum dan gas, lori pengangkut tong gas, serta lori pengangkut bahan mudah bakar.

- iii) Syarikat-syarikat logi penapisan dan penyimpanan petroleum, gas asli, dan juga bahan kimia yang mudah terbakar.
- iv) Kementerian pertahanan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah terhadap kenderaan ketenteraan seperti jet pejuang, kapal terbang, kereta kebal, helikoptar.
- v) Seterusnya kepada pemilik -pemilik kenderaan persendirian / individu seperti kereta, helikoptar dan lain - lain lagi .

Lokasi yang kami cadangkan untuk menjalankan bentuk perniagaan seperti ini adalah lebih baik jika ia berhampiran dengan pelabuhan - pelabuhan utama negara.

Ini adalah disebabkan produk Deto - Stop adalah diimport dari Jerman , dan secara tidak langsung ia akan dapat mengurangkan jumlah kos pengangkutan produk berbanding dengan penggunaan perkhidmatan kapal terbang.

Pada pendapat kami yang merupakan pencadang dan pencetus idea Rancangan Perniagaan ini merasakan bahawa produk Deto - Stop ini mampu menembusi pasaran tempatan dan Asia khasnya. Tambahan pula produk ini juga sedang pesat berkembang di negara-negara Eropah dan di Amerika.